

► **NUR FATHIN AWALLUDIN**
nfathin@sph.com.sg

Kiat How: Pemerintah, individu main peranan rapat jurang kumpulan berbeza

Pemerintah memainkan peranan besar dalam menyatukan individu berbeza, namun sama penting ialah peranan yang dimainkan setiap individu untuk memastikan jurang sosial mampu dirapatkan.

Menerusi satu perbincangan panel dalam talian ‘Singapore Perspectives 2026’, Menteri Negara Kanan (Penerangan dan Pembangunan Digital merangkap Kesihatan), Encik Tan Kiat How, berkata setiap orang mempunyai pilihan dan keupayaan untuk membina jambatan merentasi masyarakat.

Namun pemerintah akan terus menyediakan ruang selamat untuk perbincangan termasuk bagi topik sukar demi perpaduan negara, kata beliau.

“Semuanya bergantung kepada pilihan, ia adalah tentang memilih perhubungan berbanding perpecahan, tidak kira di tempat kerja, dalam setiap perbualan yang kita ada, seti-

ap pertukaran dalam talian yang kita lakukan, bahkan di meja makan bersama anggota keluarga,” kata beliau yang juga pengerusi unit maklum balas pemerintah, Reach.

Beliau berkata sedang masyarakat menjadi semakin rencam, timbul persoalan bagaimana kita boleh menyatukan kumpulan-kumpulan yang berbeza.

Perbezaan ini bukan lagi tertakluk kepada kaum, agama atau bahasa sahaja, malah dari segi isu-isu yang diperjuangkan, minat dan lain-lain, katanya.

Semasa perbincangan dalam talian pada 20 Januari itu, Encik Tan dan tiga lagi anggota panel – Zamil Penyelidik Kanan dan Ketua, Makmal Dasar IPS, Dr Justin Lee; Zamil Pe-

nyelidik, Makmal Dasar IPS, Encik Nicholas Thomas; dan pengamal pembangunan organisasi dan penyertaan awam, Cik Dawn Yip – turut membincangkan bagaimana untuk mewujudkan ruang selamat di mana individu boleh meluahkan pandangan berbeza terhadap isu-isu yang dipertikaikan.

Ini berikutan satu eksperimen perintis yang dilakukan Makmal Dasar IPS dan Reach pada November 2025 melibatkan warga Singapura dan asing.

Eksperimen itu yang dikenali sebagai Persidangan Persetujuan mengenai Integrasi Tempatan-Asing bertujuan melihat sama ada semua individu yang terlibat boleh mencapai persetujuan 100 peratus dalam empat cabang

berbeza.

Empat bidang tersebut ialah kehidupan masyarakat, pendidikan, pekerjaan dan silang budaya.

Seramai 24 individu – 16 warga Singapura, lima warga asing dan tiga penduduk tetap – mengemukakan 67 kenyataan meliputi empat bidang tersebut.

Mereka mencapai persetujuan 100 peratus bagi 23 daripada 67 kenyataan yang dikemukakan bersama.

Antara kenyataan itu termasuk “Saya percaya setiap anak warga Singapura mesti diberi peluang yang luas untuk berjaya” dan “Rakyat Singapura mesti diberi layanan istimewa hanya apabila mereka memenuhi set kema-

hiran atau kecekapan yang diperlukan untuk pengambilan pekerja”.

Para penyelidik IPS berkata hasil daripada eksperimen tersebut menunjukkan bahawa di bawah keadaan yang betul, penduduk Singapura yang mempunyai status kediaman yang berbeza boleh berhujah tentang isu-isu integrasi yang dipertikaikan dan mencapai titik persamaan.

Merujuk hasil dapatan Persidangan Persetujuan, Encik Tan berkata Reach komited menyediakan lebih banyak ruang di mana warga Singapura boleh membincangkan isu-isu yang penting bagi mereka.

■ **Laporan lanjut – Muka 5**